

**05/11/2014 - Majlis Penghargaan Sumbangan Khidmat Bakti**  
**Bersempena Penganjuran CAPAM 2014**

**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Yang Dihormati Saudara dan Saudari Pengacara Majlis,**

**YBhg. Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul  
Ghani  
Setiausaha  
Kerajaan Negeri Sarawak**

**Yang Berbahagia Datuk Farida Mohd Ali  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan**

**Yang Berbahagia Datuk Wira Omar Kaseh  
Ketua Pengarah  
Unit Pemodenan Tadbiran & Perancangan Pengurusan  
Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri**

**Yang Berbahagia Datuk Borhan Dolah  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan)  
Jabatan Perdana Menteri**

**Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,**

**Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan, Agensi Persekutuan  
dan Negeri,**

**Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri,  
Datuk-Datuk, Datin-Datin**

**Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil Penganjuran  
Persidangan Dwi Tahunan CAPAM 2014,**

**Semua petugas Persidangan Dwi Tahunan CAPAM 2014,**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa ta'ala kerana atas limpah rahmat dan inayahNya, maka dapat kita bersama-sama dalam Majlis Penghargaan Sumbangan Khidmat Bakti Bersempena Penganjuran Persidangan Dwi Tahunan *Commonwealth Association for Public Administration and Management* (CAPAM) 2014 yang telah diadakan dari 18 hingga 21 Oktober 2014 di Putrajaya.
2. Sesungguhnya majlis apresiasi pada malam ini bukan sahaja bertujuan untuk meraikan dan menghargai segala penat lelah tuan-tuan dan puan-puan yang telah bertungkus lumus mengerah keringat demi menjayakan Persidangan Dwi Tahunan CAPAM 2014, bahkan lebih bermakna daripada itu, bagi meraikan kejayaan kita semua yang telah berjaya

mengangkat martabat dan imej perkhidmatan awam Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi dan dinamik di peringkat antarabangsa.

3. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Wira Omar Kaseh, Ketua Pengarah MAMPU di atas kepimpinan beliau yang telah menggalas tanggungjawab mengemudi Jawatankuasa Induk Persidangan serta barisan agensi yang telah menyumbang bakti dalam menjayakan Persidangan Dwi Tahunan CAPAM 2014.
  
4. Di sini, saya menyeru supaya kerjasama strategik yang sedia terjalin merentasi pelbagai Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan baik di peringkat Persekutuan atau Negeri ini tidak terhenti di sini, bahkan harus terus disemarakkan dan disuburkan lagi pada masa hadapan. Manfaatkanlah kesempatan ini untuk mengenali antara satu sama lain dengan lebih rapat, supaya urusan kita menjadi lebih mudah dan mesra. Sesungguhnya dalam mendepani cabaran mendatang, perkhidmatan awam perlu bergerak secara kolektif dan '*seamless*' berasaskan kepada Agenda Transformasi Negara melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan dengan membudayakan konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam serta menghayati paradigma baharu

perkongsian sumber dan kepakaran selaras dengan prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

## **KECEMERLANGAN PENGANJURAN CAPAM 2014**

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Penganjuran Persidangan Dwi Tahunan CAPAM 2014 sangat hebat. Kenyataan ini bukan datang dari saya tetapi daripada pucuk kepimpinan negara dan juga delegasi-delegasi antarabangsa yang hadir pada Persidangan ini. Dengan tema “**Transformasi Perkhidmatan Awam: Suatu Bicara Baharu**”, persidangan kali ini menempa sejarah sebagai persidangan CAPAM terbesar pernah dianjurkan iaitu turut disertai oleh Ketua-ketua delegasi negara Komanwel merangkumi seorang Timbalan Perdana Menteri dari Namibia, 10 Menteri yang memegang portfolio perkhidmatan awam, dan 6 Pegawai Kanan Kerajaan (peringkat Setiausaha Kabinet/Ketua Setiausaha Negara). Dengan penyertaan keseluruhan seramai lebih 1,200 peserta dari dalam dan luar negara, terdapat sebanyak 55 kertas kerja serta penglibatan sebanyak 61 agensi dan organisasi. Persidangan ini turut dimeriahkan lagi dengan pelaksanaan serentak program-program berimpak tinggi seperti Forum Menteri CAPAM, Forum Media CAPAM, Majlis Anugerah Inovasi CAPAM dan Larian Antarabangsa CAPAM yang berjaya menarik lebih tiga ribu pelari marathon dari dalam dan luar negara.

6. Saya amat bangga dan gembira dengan penglibatan 23 pegawai kanan kita dalam sesi Plenari dan *Concurrent Sessions*. Sumbangan para pegawai berkenaan sama ada sebagai *speaker* atau moderator jelas membuktikan bahawa penjawat awam Malaysia tidak kurang hebatnya dan mampu untuk berdiri sama tinggi dengan rakan-rakan kita dari negara Komanwel yang lain. Malahan, pegawai yang telah bersara daripada perkhidmatan awam seperti Tan Sri Dr. Zulkarnain Haji Awang dan Datuk Dr. John Antony Xavier turut berkongsi ilmu dan pengalaman berharga mereka dengan peserta Persidangan. Tahniah saya ucapkan.
  
7. Secara umumnya, isu yang diketengahkan dan dikupas sepanjang Persidangan ini tertumpu kepada usaha-usaha transformasi perkhidmatan awam yang turut menyumbang kepada pembangunan komuniti Komanwel secara menyeluruh. Ternyata penglibatan Malaysia secara aktif dalam Persidangan ini telah meningkatkan lagi imej positif Perkhidmatan Awam Malaysia di peringkat Komanwel dan antarabangsa. Hasil kejayaan Agenda Transformasi Negara melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP), dan inisiatif Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA) telah mendapat pengiktirafan negara-negara Komanwel dan badan-badan antarabangsa seperti UN dan Bank Dunia.

8. Selain itu, bertepatan dengan Tahun Melawat Malaysia 2014, kesempatan penganjuran Persidangan ini telah digunakan sepenuhnya untuk memperkenalkan keunikan budaya kita kepada para delegasi asing melalui lawatan ke **Bandaraya Bersejarah Melaka**. Delegasi turut mendapat peluang untuk melihat secara langsung inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di bawah **Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)** melalui program *Learning Excursion* ke **Pusat Panggilan Satu Malaysia (1MOCC)** dan **Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Melaka**. Walaupun saya dimaklumkan delegasi-delegasi asing tiba lewat ke hotel masing-masing dari Melaka sehingga pukul 2 pagi, tetapi mereka amat berpuas hati dan gembira menyaksikan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka sendiri selaku tuan rumah yang menghiburkan mereka dengan nyanyian dan tarian budaya kita. Jadi saya harap ada di antara kita, terutama Ketua-ketua Setiausaha dan Ketua-ketua Jabatan yang akan mengikut jejak T.Y.T. Yang Di-Pertua Negeri Melaka dan YAB. Ketua Menteri Melaka dalam menghiburkan tetamu-tetamu apabila menghoskan sesuatu majlis.

9. Saya percaya kita semua, terutamanya delegasi-delegasi antarabangsa tidak akan lupa dengan persembahan kebudayaan pada Majlis Makan Malam Presiden CAPAM, dan tarian sungguh licik dan mempesonakan oleh adik-adik kita dari PERMATA dan juga pukulan penuh semangat dan padu gendang dan gamelan oleh adik-adik kita yang dilatih di bawah seliaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

(JKKN) pada Majlis Resepsi oleh Sekretariat Komanwel. Malah saya, dan juga delegasi-delegasi asing amat terpesona dengan penglibatan anak-anak kita yang merupakan pewaris kepada budaya kita. Tahniah JKKN, dan Kementerian Pelancongan & Kebudayaan dalam memastikan warisan budaya kita tidak lupus ditelan dek zaman.

### **PUSAT KECEMERLANGAN KERJASAMA AWAM-SWASTA**

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Persidangan CAPAM 2014 juga telah berjaya melakar satu titik gemilang dalam sejarah sektor awam Negara apabila cadangan penubuhan **Pusat Kecemerlangan Kerjasama Awam-Swasta Komanwel (*Commonwealth Public-Private Partnership Centre of Excellence*)** yang telah dimeterai antara Kerajaan Malaysia dengan CAPAM untuk menjalin kerjasama erat dan perkongsian amalan-amalan terbaik dengan negara-negara Komanwel lain berjaya mendapat maklumbalas yang positif dari negara-negara maju di dalam Komanwel seperti Australia dan juga Kanada.

### **ANUGERAH INOVASI ANTARABANGSA CAPAM**

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada Jabatan Perancangan Bandar & Desa, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT), dan Polis

DiRaja Malaysia (PDRM) kerana telah berjaya mengungguli Anugerah Inovasi Antarabangsa CAPAM 2014 bagi kategori **Penggunaan Teknologi Secara Inovatif dalam Sektor Awam** iaitu melalui pencalonan inovasi **Sistem Pemantauan Bandar Raya Selamat (*Safe City Monitoring System*)**.

12. Di sebalik kejayaan ini, sekiranya kita amati dengan teliti, setiap inovasi yang telah dinobatkan sebagai pemenang dalam keempat-empat kategori anugerah pada tahun ini didasari oleh ciri-ciri **inovasi sosial** yakni inovasi yang dibentuk dan dibangunkan bermatlamatkan kesejahteraan hidup rakyat melalui kaedah *crowd sourcing*, *co-design* dan *co-production*. Saranan untuk melaksanakan inovasi sosial telah pun dibangkitkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2014. Saya sendiri telah menekankan semula aspirasi ini semasa Anugerah Inovasi Sektor Awam 2014. Saya menyeru ketua-ketua jabatan untuk mewujudkan makmal inovasi sebagai suatu wadah untuk melaksanakan pendekatan eksperimentasi sebelum sesuatu inisiatif dilaksanakan sepenuhnya bagi mendapatkan hasil terbaik. Malah saya juga ingin mencadangkan agar satu *review* dibuat oleh MAMPU dan JPA dalam mengenal pasti punca mengapa pencalonan-pencalonan Malaysia yang lain terutamanya di bawah inisiatif NBOS gagal ke pusingan terakhir Anugerah Inovasi Antarabangsa CAPAM 2014. Adakah kerana cara kita mempersembahkan sesuatu projek

atau sebagainya? Ini semua kita perlu ketahui dan perbaiki agar akan ada lebih banyak anugerah-anugerah inovasi di peringkat antarabangsa yang boleh dimenangi oleh Malaysia pada masa akan datang, InshaAllah.

13. Justeru itu, saya juga ingin menyeru agar pada masa akan datang, penghasilan sesuatu inovasi mestilah atas niat atau “*by design not by default*” untuk mencipta sesuatu yang memberi nilai kepada rakyat dan berupaya memenuhi kehendak serta harapan mereka sebagai pengguna perkhidmatan kita. Inovasi hendaklah dibangunkan secara ‘bersama’, ‘oleh’ rakyat dan ‘untuk’ rakyat.”

## **MALAYSIA MENERAJUI CAPAM**

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Saya bersyukur kerana telah diberi kepercayaan dipilih sebagai **Presiden CAPAM bagi sesi 2014 – 2016**. Sesungguhnya kepercayaan ini membuktikan bahawa ahli-ahli CAPAM dan negara-negara Komanwel mengiktiraf kecemerlangan dan meyakini keupayaan Perkhidmatan Awam Malaysia untuk memimpin dan membawa CAPAM ke tahap yang lebih tinggi di arena antarabangsa, khususnya di dalam menitikberatkan amalan tadbir urus yang baik di kalangan negara-negara Komanwel.

15. Saya percaya, ini bukanlah kali pertama mahupun kali terakhir kita diberi kepercayaan untuk memikul sesuatu tanggungjawab di arena global. Malahan, baru-baru ini, Malaysia telah dipilih sebagai **anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu** manakala pada tahun hadapan pula kita akan menggalas tanggungjawab sebagai **pengerusi atau Chairman Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)**.

16. Kejayaan sesebuah organisasi tidak bergantung kepada seorang individu tetapi memerlukan kerja berpasukan yang jitu demi mencapai matlamat yang sama. Oleh itu, dalam memikul amanah yang diberikan ini, saya menyeru seluruh perkhidmatan awam untuk terus memberi sokongan kepada program-program berkaitan perkhidmatan awam baik di peringkat serantau atau antarabangsa seperti CAPAM, ASEAN, Komanwel, OIC, dan UN dan bersama-sama kita buktikan bahawa kita mampu menjadi peneraju kepada transformasi perkhidmatan awam di peringkat global.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya

(PICC) dan juga pihak-pihak swasta selaku rakan strategik kita dalam menjayakan Persidangan ini. Semoga kerjasama dan komitmen yang telah ditunjukkan akan diteruskan pada masa akan datang. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan syabas kepada MAMPU dan semua agensi yang terlibat di atas komitmen dan dedikasi dalam menganjurkan Persidangan Dwi Tahunan CAPAM 2014. Kalau di Melaka tempoh hari saya akhiri ucapan ringkas saya dengan serangkap pantun, pada malam ini pula saya akhiri dengan dua rangkap pantun.

Buah rumia dari Medan,  
Buahnya banyak berwarna merah,  
Panjang usia dan sihat badan,  
Supaya banyak jasa dicurah.

Kain kasa berwarna merah,  
Buat baju orang di timur,  
Bila jasa banyak dicurah,  
Negeri maju bertambah makmur.

Sekian, terima kasih semua.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh